




SERTAII Sebahagian pensyarah SPKAL dan SSIL yang menghadiri taklimat Etika Akademik.



CENDERA KENANGAN ... Dr Amran (dua, kanan) menerima cendera kenangan daripada Dr Shariff diperhatikan Dr Ag Asri (kanan), Dr Norazah (kiri) dan Roslan (dua kiri).

Ahli akademik perlu jujur dan telus

OLEH JAINUDIN DJIMIN
jainudin@newsabah-
times.com.my

LABUAN: Ahli akademik perlu menjalankan tugas dengan jujur, telus, terbuka dan tidak menggunakan hasil sesuatu penemuan atau teori milik orang lain tanpa merujuk nama mereka.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Amran Ahmed berkata untuk merealisasikan tugas mereka sewajarnya sentiasa bertindak dengan tepat, teliti dan cermat.

Katanya, ahli akademik juga per-

lu berlaku adil terhadap pendapat dan buah fikiran orang lain serta mengelak daripada berat sebelah terhadap anak didik mereka.

Tambahnya, mereka seharusnya terbabit dengan lima bidang utama iaitu pengajaran, penerbitan, penyelidikan, perundingan dan khidmat masyarakat.

Beliau berkata sebagai pendidik, mereka mengendalikan kuliah, tutorial, merancang dan mengendalikan demonstrasi makmal, merancang dan mengendalikan kerja lapangan.

"Ahli akademik menyelia latihan industri, latihan mengajar, menilai kursus, menyelia latihan tesis dan tugas berkaitan pengajaran yang da-

pat meningkatkan mutu tugas mereka," katanya ketika menyampaikan taklimat Etika Akademik di Bilik Kuliah, UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), kelmarin.

Turut hadir Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Pemangku Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof Madya Dr Norazah Md Suki dan Ketua Bahagian Perkhidmatan Akademik, Roslan Gimba.

Hadir sama ketua-ketua bahagian, pensyarah dan kakitangan Bahagian Perkhidmatan Akademik.

Dr Amran mahu ahli akademik menunjukkan mereka seorang yang berilmu dengan mempamerkan nilai dan etika yang baik kepada orang lain termasuk pelajar dan masyarakat setempat.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan pensyarah mengelakkan diri daripada terlibat dengan aktiviti yang mampu menjejaskan profesion ahli akademik dan nama baik UMS kerana tingkah laku mereka diperhatikan orang ramai.

"Mereka harus bersikap profesional ketika berhubung dengan penduduk tempatan dalam urusan akademik seperti semasa melakukan latihan amali dan kerja lapangan,"

katanya.

Pada masa sama, Dr Amran menyarankan ahli akademik supaya menjalin hubungan profesional yang tulen dengan rakan sejawat mereka, hormat-menghormati dan saling melengkapi bagi meningkatkan lagi martabat kerjaya dan tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan terhadap mereka.

Selain itu, beliau mahu ahli akademik meningkatkan prestasi akademik masing-masing ke tahap lebih tinggi agar kerjaya mereka lebih dihormati terutama ketika berhadapan dengan pelajar di bilik kuliah dan semasa membentangkan kertas kerja berkaitan bidang masing-masing.



JALUR GEMILANG Pendaftar Universiti Malaysia Sabah (UMS), Abdullah Haji Mohd.Said memasang bendera Jalur Gemilang di setiap kenderaan Sempena Kempen Jalur Gemilang Peringkat UMS di hadapan pintu masuk UMS di Kota Kinabalu, pagi kelmarin. - Foto MIZRON MARALANG